

REALITI BERMAZHAB: WIBAWA KEMASLAHATAN UMMAH

Oleh :

Ahmad Khairul Nizam bin Ahmad Tarmizdi

Pegawai Tadbir Agama,

Pejabat Pentadbiran Agama Islam Lenggong.

Definisi

Perkataan mazhab merupakan *isim masdar* kepada asal kalimah ذَهَبَ – يَذْهَبُ

ذَهَابًا – مَذْهَبًا — yang bererti berjalan atau mengambil.¹ Menurut Kamus Dewan, mazhab ialah cabang ajaran Islam yang diikuti oleh umat Islam (iaitu mazhab Syafii, Hanafi, Hambali dan Maliki).² Dalam Kamus al-Wasit, perkataan mazhab diterjemahkan sebagai himpunan pandangan-pandangan serta teori-teori ilmiah dan falsafah yang mempunyai kaitan di antara satu sama lain yang menjadikannya sebagai panduan yang diikuti.³ Dari sudut istilah, mazhab membawa maksud metodologi yang diambil peranan oleh individu atau kumpulan tertentu sama ada yang berhubung kait dengan skop akidah, akhlak, hukum Syarak dan sebagainya.⁴ Malah, ia turut diperincikan melalui pendapat, kelompok atau aliran yang bermula daripada pemikiran atau ijtihad seseorang imam dalam memahami sesuatu, baik dari segi falsafah, hukum (fiqh), teologi, politik dan sebagainya.⁵

Mengapa wujudnya mazhab dalam Islam?

Apabila berkembangnya penerokaan ilmu, maka secara tidak langsung bentuk-bentuk pemikiran serta metodologi turut tersebar luas dalam menangani sesuatu isu serta permasalahan. Justeru, kewujudan kepelbagaian pandangan ini telah pun berlaku sejak zaman Rasulullah SAW dan ia lebih menjurus ke arah isu ijtihad para sahabat berkenaan arahan yang telah diberikan oleh Rasulullah SAW kepada mereka. Hal ini dapat dilihat semasa peristiwa peperangan Bani Quraizah melalui sabda Baginda:

(لَا يُصَلِّيَنَّ أَحَدُ الْعَصْرِ إِلَّا فِي بَنِي قُرَيْظَةَ)

Maksudnya: “Jangan seorang pun menunaikan solat fardhu Asar kecuali di perkampungan Bani Quraizah.”

Riwayat al-Bukhari (4119)

¹ Farhat, Yusuf Syukriyy. 2001. *Mu'jam al-Tullab*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. m.s. 203.

² _____. 1994. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. m.s. 871.

³ _____. 2004. *Al-Mu'jam al-Wasit*. t.t.: Maktabah al-Syuruq al-Dawliyyah. m.s. 317.

⁴ Al-Asyqar, Umar Sulayman. 1998. *Al-Madkhal Ila Dirasah al-Madaris Wa al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Jordan: Dar al-Nafais. m.s. 44.

⁵ _____. 2004. *Ensiklopedia Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Jil. 3. m.s. 215.

Maka, ada sebahagian sahabat yang menunaikan solat Asar di pertengahan jalan sebelum sampai di perkampungan Bani Quraizah. Sementara sebahagian yang lain pula menunaikannya apabila tiba di perkampungan tersebut. Selepas kembali ke Madinah, para sahabat bertanya kepada Rasulullah SAW berhubung situasi berkenaan lalu Baginda tidak menyalahkan seorang pun di kalangan mereka.

Begitu juga pengiktirafan yang telah diberikan oleh Rasulullah SAW kepada Saidina Muaz bin Jabal dalam urusan ijtihad ketika beliau dihantar oleh Baginda ke Yaman untuk menyebarkan ajaran Islam.

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعَثَ مُعَاذًا إِلَى الْيَمَنِ، فَقَالَ: كَيْفَ تَقْضِي؟ فَقَالَ: أَقْضِي بِمَا فِي كِتَابِ اللَّهِ. قَالَ: فَإِنْ لَمْ يَكُنْ فِي كِتَابِ اللَّهِ؟ قَالَ: فَبِسُنَّةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. قَالَ: فَإِنْ لَمْ يَكُنْ فِي سُنَّةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ؟ قَالَ: أَجْتَهِدُ رَأْيِي. قَالَ: الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي وَفَّقَ رَسُولَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

Maksudnya: “Bahawasanya Rasulullah SAW telah mengutus Saidina Muaz ke Yaman lalu bersabda: Bagaimanakah kamu mengeluarkan hukum? Jawab Saidina Muaz: Aku mengeluarkan hukum dengan apa yang terkandung di dalam kitab Allah (al-Quran). Sabdanya: Jika tidak terdapat di dalam kitab Allah? Jawabnya: Maka dengan sunnah Rasulullah SAW. Sabdanya: Jika tidak terdapat di dalam sunnah Rasulullah SAW? Jawabnya: Aku berijtihad dengan akal fikiranku. Bersabda Baginda: Segala puji bagi Allah yang telah memberikan pertunjuk terhadap utusan Rasulullah.”

Riwayat al-Tirmizi (1327)

Seterusnya percambahan pendapat dalam kalangan sahabat terus berkembang seiring dengan bertambahnya bilangan umat manusia yang memeluk agama Islam. Jika diperhalusi, terdapat sebahagian dalam kalangan sahabat yang berhijrah ke kawasan jajahan umat Islam.⁶ Oleh kerana itu, pembinaan hukum Syarak secara tidak langsung turut mengambil kira sosio-budaya masyarakat serta perkembangan keadaan setempat.

⁶ Iaitu ketika awal pemerintahan Khilafah Umawiyah atau Bani Umaiyah. Malah turut dikatakan ketika pemerintahan Khalifah Umar bin al-Khattab RA, beliau telah mengizinkan sebahagian di kalangan sahabat untuk berhijrah seperti Abdullah bin Mas'ud, Abu Musa al-Asy'ariyy dan selainnya. Lihat Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah Fi al-Siyasah Wa al-'Aqa'id Wa Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabiyy. m.s. 245 - 246.

Pada zaman Sahabat RA, kebanyakan dalam kalangan mereka berkeupayaan dalam berijtihad serta mengeluarkan fatwa. Dalam urusan ijtihad, pendekatan yang digunakan oleh sahabat terdiri daripada dua kategori:⁷

1) Ijtihad berasaskan tafsiran nas⁸

Sebahagian di kalangan sahabat amat teliti dalam memastikan dalil yang dikemukakan bersesuaian dengan isu. Sebagai contoh, Saidina Abu Bakar al-Siddiq RA ketika menjadi khalifah terlebih dahulu akan memanggil para sahabat untuk bermesyuarat bagi mendapatkan apa-apa dalil yang berkaitan dengan permasalahan. Apabila dalil tersebut diperolehi maka hukum akan ditetapkan dengan berpandukan penjelasan serta ibarat-ibarat dari nas berkenaan.

2) Ijtihad berasaskan penaakulan (*al-Ra'y*) dengan berpandukan kaedah Qias

Antara sahabat yang berkemahiran dalam skop ini ialah Abdullah bin Mas'ud dan Saidina Ali bin Abi Talib RA. Malah, ia turut diwarisi oleh golongan Fuqaha' (ulama Fiqh) dalam kalangan Tabi'in di Kufah, Iraq. Hal ini disebabkan suasana di negara Iraq ketika itu terdedah dengan perkembangan pembangunan yang pesat ditambah pula oleh pengaruh tamadun sekeliling seperti tamadun Parsi serta pengaruh falsafah Yunani.

3) Ijtihad berasaskan prinsip Masalah

Saidina Umar bin al-Khattab RA banyak mengeluarkan fatwa melalui kaedah ini. Sebagai contoh⁹ semasa beliau menjadi khalifah, zakat tidak diberikan kepada golongan mualaf. Hal ini kerana dengan melihat suasana umat Islam yang telah bertambah jumlahnya maka kekuatan negeri Madinah sebagai pusat pemerintahan Islam bertambah kukuh dari segenap aspek. Secara rasional, keyakinan umat Islam terhadap ajaran agama semakin bertambah dan seterusnya mendorong golongan bukan Islam untuk cenderung terhadap agama Islam seterusnya menghentikan tindakan menyakiti umat Islam.

Ketika era Tabi'in RA, kaedah pengeluaran hukum menjadi lebih mudah kerana mereka berpeluang mempelajarinya menerusi para sahabat yang masih hidup ketika itu. Dalam tempoh masa berkenaan, lahir lah pengasas mazhab fiqh yang terulung iaitu al-Imam Abu Hanifah al-Nu'man rahimahullah.¹⁰ Bertitik tolak dari

⁷ Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah Fi al-Siyasah Wa al-'Aqa'id Wa Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabiyy. m.s. 234 – 235.

⁸ Muda, Ab. Latif. 2010. *Perbahasan Sejarah Perundangan Islam dan Mazhab Fiqh*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam. m.s. 212.

⁹ Haji Ahmad, Mohd Saleh. 1999. *Pengantar Syariat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid. m.s. 65.

¹⁰ Turut digelar sebagai '*al-Imam al-A'zham*' (pemimpin yang teragung dalam bidang fiqh). Al-Imam al-Syafie pernah mengungkapkan melalui kalam beliau: "*Manusia berada dalam naungan al-Imam Abu Hanifah dari sudut ilmu fiqh.*"

sinilah maka aliran mazhab fiqh mula bercambah seterusnya berkembang ke serata dunia.

Kategori Mazhab

Dalam Islam, mazhab hanya meliputi dua aspek sahaja iaitu mazhab akidah dan mazhab fiqh. Mazhab akidah secara asasnya bermula dari pergolakan politik iaitu menerusi era pemerintahan al-Khalifah Uthman bin 'Affan RA.¹¹ Rentetan dari situasi berkenaan maka berkembanglah pula pelbagai aliran dan fahaman yang dikenali dengan pelbagai nama yang dikaitkan dengan persoalan akidah dengan jumlah pengikutnya yang tersendiri.¹² Malah ada yang mendakwa ia adalah dari ajaran Islam serta turut memberi tohmahan sesat atau kafir kepada golongan yang tidak sehaluan dengan mereka.

Adapun mazhab fiqh, ia meliputi permasalahan ibadah yang bersifat amali atau yang berkaitan dengan isu-isu semasa yang tidak terdapat nas yang *sarih* (jelas) dan yang boleh diistinbathkan hukum melaluinya. Dalam hal ini, pendekatan ijtihad digunapakai dengan berasaskan prinsip metodologi yang telah disusun atur oleh pengasas mazhab atau imam-imam mazhab yang turut dikenali sebagai *mujtahid*. Namun, perbincangan dalam artikel ini hanya menyentuh berkenaan mazhab fiqh sahaja yang meliputi empat mazhab muktabar iaitu mazhab Hanafi, mazhab Maliki, mazhab al-Syafie dan mazhab Hanbali.

Sejarah Imam-Imam Mazhab Fiqh Yang Empat:

1. Mazhab Hanafi

Pengasasnya ialah al-Nu'man bin Thabit bin Zutha al-Kufiyy. Keluarga beliau berasal dari Kabul, Afghanistan serta berketurunan Farsi. Al-Imam Abu Hanifah dilahirkan pada tahun 80 hijrah di Kufah, Iraq iaitu pada zaman *sighar al-sahabah* atau era Tabi'in. Beliau tergolong dalam kelompok *atba' al-Tabi'in*.¹³ Ketika kecil, beliau telah menghafaz al-Quran serta diriwayatkan bahawa al-Imam Abu Hanifah pernah mengkhathamkan al-Quran beberapa kali dalam

¹¹ Bermula dengan tuduhan daripada satu pihak yang menyatakan bahawa pucuk pimpinan beliau hanya berlegar di kalangan anggota keluarganya sahaja serta yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengannya. Terdapat satu pihak lain yang diketuai oleh Abdullah bin Saba' yang mendakwa bahawa kononnya hak pemerintahan kekhalifahan sebenar hanyalah di tangan keluarga Rasulullah SAW iaitu menerusi Saidina Ali RA. Maka lahirlah dari sini puak Syiah (pengikut Ali) sepertimana yang dikenali pada hari ini. Lihat Zakaria, Harussani. 2015. *Perpaduan Ummah dan Kepentingannya Dari Perspektif Ulama*. Kertas kerja dlm Multaqa Serantau Alumni al-Azhar Malaysia 2015 bertempat di Grand Ballroom Hotel Grand Seasons, Kuala Lumpur - 17 Disember 2015. m.s. 1.

¹² Antaranya seperti Qadariyyah, Jahmiyyah, Mukhtazilah, Khawarij, Syiah, Murji'ah, Qadyani, al-Arqam dll.

¹³ Al-Asyqar, Umar Sulayman. 1998. *Al-Madkhal Ila Dirasah al-Madaris Wa al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Jordan: Dar al-Nafa'is. m.s. 94.

bulan Ramadhan. Beliau telah mempelajari al-Quran daripada al-Imam 'Asim iaitu salah seorang daripada Imam Qiraat tujuh.¹⁴

Dalam bidang fiqh, al-Imam Abu Hanifah telah mempelajarinya dari Fuqaha' Iraq seperti 'Atho' bin Abi Rabbah, Hisyam bin 'Amru, Nafi' Mawla Ibnu 'Umar, Salamah bin Kuhayl, 'Amir al-Sya'biyy, Ikrimah Mawla Ibnu 'Abbas, Qatadah bin Di'amah al-Sadusiyy al-Basriyy, al-Zuhriyy, Yahya bin Sa'id al-Ansariyy dan Abu Ishaq al-Sabi'iy.¹⁵ Walau bagaimanapun, beliau banyak mempelajari ilmu Fiqh dari Hammad bin Abi Sulayman al-Asy'ariyy.¹⁶

Beliau turut melahirkan ramai anak-anak muridnya namun yang masyhur di kalangan mereka hanya empat orang sahaja iaitu Ya'qub bin Ibrahim bin Sa'ad al-Ansariyy yang turut dikenali sebagai al-Qadhiyy Abi Yusuf, Muhammad bin al-Hasan al-Syibaniyy, Zufar bin al-Huzayl dan al-Hasan bin Ziyad al-Lu'Lu'ayy. Kesemua anak-anak murid beliau ini adalah bertaraf *al-Mujtahid al-Mutlaq Ghayr al-Mustaqil*.¹⁷

Dalam bidang istinbat atau fatwa, al-Imam Abu Hanifah telah menetapkan kaedahnya yang tersendiri iaitu:

1. Al-Quran;
2. Al-Sunnah;
3. Qawl Sahabiyy;
4. Al-Qiyas;
5. Al-Istihsan;
6. Al-Ijma';
7. al-'Urf.

Malah, al-Imam Abu Hanifah turut dikenali melalui pandangannya melalui penaakulan (akal). Hal ini disebabkan faktor kurangnya sumber hadis yang sahih pada ketika itu disebabkan banyaknya tersebar hadis-hadis palsu di kalangan pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab. Oleh kerana itu, beliau dikenali sebagai Imam *Ahl al-Ra'yy*.¹⁸

¹⁴ Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah Fi al-Siyasah Wa al-'Aqa'id Wa Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabiyy. m.s. 330.

¹⁵ Gudle, Nur Abdi. 2009. *Manahij al-Fuqaha' al-Arba'ah*. Kuala Lumpur: Dar al-Tajdid. m.s. 82. Lihat juga Al-Asyqar, Umar Sulayman. 1998. *Al-Madkhal Ila Dirasah al-Madaris Wa al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Jordan: Dar al-Nafais. m.s. 94.

¹⁶ Beliau banyak mempelajari fiqh daripada golongan sahabat seperti Saidina 'Ali bin Abi Talib dan 'Abdullah bin Mas'ud RA dan tabi'in seperti 'Alqamah bin Qayyis, Masruq bin al-Ajda', Ibrahim al-Nakha'iyy dan 'Amir bin Syarahil al-Sya'biyy RA. Lihat 'Abdul Qadir, al-Saddiq Dhu al-Nur. t.t. *Muzakkirat fi Maddah Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah al-Islamiyyah Wa al-Fatawa*. m.s. 11.

¹⁷ Seseorang yang mempunyai kelayakan sebagai mujtahid bebas (*mustaqil*) namun cenderung dalam mengikuti metodologi hukum yang telah digariskan oleh imam mazhab (*mujtahid mustaqil*).

¹⁸ Haji Ahmad, Mohd Saleh. 1999. *Pengantar Syariat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid. m.s. 143.

Al-Imam Abu Hanifah meninggal dunia pada tahun 150 hijrah dan dimakamkan di perkuburan al-Khizran, Baghdad. Mazhab beliau atau lebih dikenali sebagai mazhab Hanafi tersebar luas di beberapa pelosok negara seperti Iraq, Mesir, Syria, Tunisia, Maghribi, Yaman, China serta negara-negara Asia Tengah seperti India, Pakistan, Afghanistan, Bangladesh dan sebagainya.

2. Mazhab Maliki

Pengasas bagi mazhab ini bernama Malik bin Anas bin Malik bin Abi 'Amir al-Asbahi al-Yamaniyy. Beliau dilahirkan di Madinah pada tahun 93 hijrah.¹⁹ Beliau turut digelar sebagai 'al-Imam Dar al-Hijrah' kerana beliau hanya mempelajari ilmu dan mengajar di Madinah sahaja tanpa keluar ke merata tempat kecuali semasa mengerjakan fardu haji.

Ketika al-Imam Malik masih kecil, beliau telah pun menghafaz al-Quran serta hadis di samping mengetahui susul galur periwayatannya. Salah satu personaliti al-Imam Malik ketika menuntut ilmu ialah beliau akan memastikan pakaian yang dipakai olehnya adalah bersih dan terbaik. Malah, beliau juga turut memakai serban. Al-Imam Malik banyak mempelajari ilmu dari kalangan guru-gurunya yang melebihi bilangan 900 orang. Di antara guru-gurunya yang masyhur seperti:²⁰

1. 'Abd al-Rahman bin Hurmuz;
2. Ibnu Syihab al-Zuhriyy;
3. Nafi' Mawla Ibnu 'Umar;
4. Abu al-Zinad 'Abd Allah bin Zukwan;
5. Yahya bin Sa'id al-Ansariyy;
6. Rabi'ah bin 'Abd al-Rahman atau lebih dikenali sebagai Rabi'ah al-Ra'yy.

Dalam bidang fatwa, al-Imam Malik merupakan yang paling banyak menggunakan pakai metodologi dalam bidang istinbat, iaitu:

1. Al-Quran;
2. Al-Sunnah;
3. 'Amal Ahl al-Madinah;
4. Qawl Sahabiyy;
5. Al-Ijma';
6. Al-Qiyas;
7. Al-Masalih al-Mursalah;
8. Al-Istihsan;
9. Al-Istishab;
10. Al-'Urf;
11. Sadd al-Zara'i.

¹⁹ Terdapat juga riwayat yang menyebutkan kelahiran beliau pada tahun 94 atau 95 hijrah.

²⁰ 'Abdul Qadir, al-Saddiq Dhu al-Nur. t.t. *Muzakkirat fi Maddah Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah al-Islamiyyah Wa al-Fatawa*. m.s. 13.

Kebanyakan pandangan hukum atau fatwa yang dikeluarkan oleh al-Imam Malik adalah bersifat aliran Hijaziyy iaitu pandangan yang merangkumi landskap setempat masyarakat Arab iaitu di Madinah dan Mekah. Antara hasil karya beliau yang sangat masyhur ialah kitab '*al-Muwatta*' iaitu sebuah kitab hadis yang telah disusun mengikut bab-bab fiqh.

Al-Imam Malik telah meninggal dunia pada tahun 179 hijrah dan dikebumikan di Madinah. Beliau telah meninggalkan ramai anak-anak muridnya yang beramal dengan pandangannya serta turut menyebarkan di seluruh negara Islam. Antaranya ialah:

1. 'Abd Allah bin Wahab;
2. 'Abd al-Rahman bin al-Qasim al-Masriyy;
3. Asyhab bin 'Abd al-'Aziz al-Qaysiyy;
4. Abu al-Hasan al-Qutubiyy;
5. Asad bin Furat;
6. Muhammad bin Ibrahim bin Dinar;
7. Abu Hisyam al-Mughirah bin 'Abd al-Rahman al-Makhzumiyy;
8. Abu 'Abd Allah 'Abd al-Aziz bin AbiHazim;
9. Al-Imam Muhammad bin Idris al-Syafi'iyy.

Mazhab Maliki banyak tersebar di negara-negara Islam seperti Andalusia, Mesir, Maghribi, Sudan dan Tunisia.

3. Mazhab al-Syafie

Nama sebenar al-Imam al-Syafie ialah Muhammad bin Idris bin al-'Abbas bin 'Uthman bin Syafi' bin al-Sa'ib bin 'Ubayd bin 'Abd Yazid bin Hasyim bin 'Abd al-Mutallib bin 'Abd Manaf. Keturunan al-Imam al-Syafie bertemu dengan moyang Rasulullah SAW sebelah bapa Baginda iaitu 'Abd Manaf. Menurut jumhur ulama, al-Imam al-Syafie adalah berketurunan Quraisy berdasarkan susur galur keturunan beliau di sebelah bapanya.²¹

Al-Imam al-Syafie telah dilahirkan di Ghazzah, Palestin pada tahun 150 hijrah bertepatan dengan tahun kematian al-Imam Abu Hanifah. Bapa beliau telah meninggal dunia semasa al-Imam al-Syafie masih kecil lalu ibunya membawa al-Imam al-Syafie pulang ke Mekah semasa berumur dua tahun. Beliau hidup dalam keadaan yatim dan fakir. Disebabkan itu juga, ibu beliau tidak dapat memberikan sebarang saguhati mahupun upah kepada guru-guru yang mengajar al-Imam al-Syafie. Namun begitu, al-Imam al-Syafie seorang yang cerdas akalunya dan telah menghafal al-Quran ketika umurnya tujuh tahun.²² Kemudian, beliau mempelajari hadis dari gurunya yang bernama Sufyan bin

²¹ Ahmad, Ridzuan. 2012. *Fiqh Imam Syafie*. Selangor: PTS Millenia. m.s. 4.

²² Jum'ah, 'Aliyy. 2012. *Al-Madkhal Ila Dirasah al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Salam. m.s. 29.

'Uyaynah yang turut dikenali sebagai Imam Ahli Hadis di Mekah.²³ Kemudian, al-Imam al-Syafie menuntut ilmu fiqh daripada guru-gurunya yang bernama Muslim bin Khalid al-Zinjiyy, Sa'id bin bin Salim al-Qaddah, Dawud bin 'Abd al-Rahman al-'Attar dan 'Abd al-Majid bin 'Abd al-'Aziz bin Abi Dawud. Ketika berumur 10 tahun, al-Imam al-Syafie telah pun menghafal kitab al-Muwatta' iaitu kitab hadis yang dikarang oleh al-Imam Malik. Malah Mufti Mekah ketika itu, Muslim bin Khalid al-Zinjiyy yang juga merupakan guru kepada al-Imam al-Syafie telah memberi keizinan kepada al-Imam al-Syafie untuk mengeluarkan fatwa yang pada masa itu berumur 15 tahun.

Perjalanan hidup al-Imam al-Syafie sebagai penuntut ilmu tidak terhenti di situ sahaja, al-Imam al-Syafie telah mengembara ke Madinah untuk bertemu dengan al-Imam Malik bagi mendalami ilmu hadis.²⁴ Al-Imam al-Syafie berguru dengan al-Imam Malik selama 16 tahun.²⁵ Di samping itu, beliau turut berguru dengan Ibrahim bin Sa'ad al-Ansariyy, 'Abd al-'Aziz bin Muhammad al-Darawardiyy, Ibrahim bin Abi Yahya al-Aslamiyy, Muhammad bin Sa'id bin Abi Fudayk dan 'Abd Allah bin Nafi' al-Sa'igh.

Sejurus selepas pemergian al-Imam Malik ke rahmatullah, al-Imam al-Syafie pulang semula ke Mekah. Kemudian, al-Imam al-Syafie mendapat pelawaan untuk menjadi kadi di Yaman lalu diterima olehnya. Dalam kesempatan bertugas di Yaman, al-Imam al-Syafie turut berguru dengan Matraf bin Mazin, Hisyam bin Yusuf, 'Amru bin Abi Salamah dan Yahya bin Hisan. Ketika tinggal di Yaman, al-Imam al-Syafie terkenal dengan sikap dedikasi serta tanggungjawab dalam melaksanakan tugasnya sebagai kadi. Namun begitu, beliau pernah dihadapkan ke hadapan al-Khalifah Harun al-Rasyid atas tuduhan bersekongkol dalam menentang pemerintah. Namun, akhirnya al-Imam al-Syafie dibebaskan dari tuduhan tersebut.

Selepas itu, al-Imam al-Syafie mengembara ke Baghdad dan beliau mempelajari Fiqh Iraq daripada anak murid al-Imam Abu Hanifah iaitu Muhammad bin al-Hasan al-Syaybaniyy. Di samping itu, beliau turut berguru dengan Waqi' bin al-Jarrah, Isma'il bin 'Ulyah dan 'Abd al-Wahhab bin al-Majid al-Basriyy.

²³ Turut dikatakan di peringkat awal, al-Imam Syafie telah mempelajari syair dan adab (sastera Arab) serta sejarah. Malah dikatakan juga beliau turut mempelajari ilmu mengenai bintang dan firasat. Lihat Jighim, Nu'man. 2007. *Madkhal Ila al-Mazhab al-Syafi'iy*. Kuala Lumpur: UIAM. m.s. 15.

²⁴ Terdapat pendapat yang mengatakan umur beliau ketika itu ialah dalam lingkungan 16 atau 20 tahun. Malah, ada pendapat yang mengatakan umur al-Imam Syafie ketika itu ialah 13 tahun. Lihat Ahmad, Ridzuan. 2012. *Fiqh Imam Syafie*. Selangor: PTS Millenia. m.s. 12.

²⁵ Jum'ah, 'Aliyy. 2012. *Al-Madkhal Ila Dirasah al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Salam. m.s. 30.

Dalam bidang istinbat, al-Imam al-Syafie telah menyusun metodologinya seperti berikut:

1. Al-Quran;
2. Al-Sunnah;
3. Al-Ijma';
4. Qawl al-Sahabiyy;
5. Al-Qiyas.

Al-Imam al-Syafie turut terkenal melalui pandangannya yang bersifat *qadim* dan *jadid*. Pandangan *qadim* atau *Qawl Qadim* merupakan fatwa lama yang dikeluarkan oleh al-Imam al-Syafie ketika beliau tinggal di Baghdad manakala *Qawl Jadid* pula merupakan fatwa baru bagi al-Imam al-Syafie apabila beliau menetap di Mesir. Antara penulisan yang pernah dihasilkan oleh al-Imam al-Syafie seperti kitab *al-Risalah*, *al-Hujjah*, *Ikhtilaf al-Hadith* dan *al-Umm*.

Al-Imam al-Syafie telah kembali ke rahmatullah pada 204 hijrah dan dikebumikan di Mesir. Beliau telah meninggalkan ramai anak-anak muridnya, antaranya:²⁶

1. Al-Imam Ahmad bin Muhammad bin Hanbal;
2. Al-Hasan bin Muhammad bin al-Sabah al-Baghdadiyy al-Za'faraniyy;
3. Al-Husayn bin 'Aliyy bin Zayd al-Karabisiyy;
4. Ibrahim bin Khalid bin Abi al-Yaman al-Kilbiyy al-Baghdadiyy;
5. Isma'il bin Yahya bin 'Amru bin Ishaq al-Muzuniyy;
6. Al-Rabi' bin Sulayman bin 'Abd al-Jabbar bin Kamil al-Muradiyy al-Misriyy;
7. Abu Ya'qub Yusuf bin Yahya al-Buwaytiyy al-Misriyy;
8. Abu 'Abd Allah Harmalah bin Yahya al-Misriyy.

Mazhab al-Syafie telah berkembang di beberapa negara seperti Mesir, Yaman, Syria, Somalia, Tanzania, Khurasan serta gugusan nusantara seperti Indonesia, Malaysia, Singapura, Brunei, selatan Filipina, Kemboja dan selatan Thailand.

4. Mazhab Hanbali

Nama sebenar beliau ialah Ahmad bin Muhammad bin Hanbal bin Hilal bin Idris bin Asad al-Syibaniyy. Keluarga al-Imam Ahmad berasal dari Khurasan, Iran.²⁷ Kemudian mereka berhijrah ke Baghdad semasa pemerintahan Khilafah 'Abbasiyyah. Lalu di sinilah lahirnya al-Imam Ahmad iaitu pada tahun 164 hijrah. Ketika zaman remaja, al-Imam Ahmad banyak mengembara ke serata tempat untuk menuntut ilmu seperti di Baghdad, Basrah, Kufah, Syam (Syria),

²⁶ Jighim, Nu'man. 2007. *Madkhal Ila al-Mazhab al-Syafi'iyy*. Kuala Lumpur: UIAM. m.s. 80

²⁷ Terdapat catatan yang menyebut bahawa keluarga al-Imam Ahmad dibesarkan di Basrah, Iraq. Namun, datuknya telah berpindah ke Khurasan. Lihat al-Qattan, Mana'. t.t. *Tarikh al-Tasyri' al-Islamiyy*. Kaherah: Maktabah Wahbah. m.s. 379.

Hijaz (Mekah dan Madinah) dan Yaman.²⁸ Beliau banyak menguasai ilmu-ilmu asas seperti 'Ulum al-'Arabiyyah (bahasa Arab), akidah, hadis, fiqh dan fatwa. Malah, beliau turut menghafal al-Quran di samping menguasai 'Ulum al-Quran. Di antara guru-guru al-Imam Ahmad yang telah dipelajari olehnya seperti:

1. Sufyan bin 'Uyaynah;
2. Ibrahim bin Sa'ad;
3. Yahya al-Qattan;
4. Husyam bin Basyir;
5. Waqi' bin al-Jarrah;
6. Ibnu 'Ulayyah;
7. 'Abd al-Rahman bin Mahdiyy;
8. 'Abd al-Razzaq bin Humam;
9. Al-Qadhiyy Abu Yusuf;
10. Al-Walid bin Muslim;
11. Al-Imam Muhammad bin Idris al-Syafi'iy.

Al-Imam Ahmad juga turut mempunyai metodologi yang tersendiri dalam bidang istinbat iaitu:²⁹

1. Al-Quran;
2. Al-Sunnah;
3. Fatwa al-Sahabah;
4. Fatwa al-Tabi'in;
5. Hadis Mursal dan hadis Dha'if;
6. Al-Qiyas;
7. Al-Istishab;
8. Al-Masalih al-Mursalah;
9. Al-Istihsan;
10. Sadd al-Zara'i.

Al-Imam Ahmad meninggal dunia pada tahun 241 hijrah di Baghdad. Beliau telah meninggalkan ramai anak-anak muridnya yang beramal dengan pandangannya dan seterusnya menyebarkan mazhabnya ke serata tempat. Di antara mereka seperti:³⁰

1. Salih bin Ahmad (anak al-Imam Ahmad);
2. 'Abd Allah bin Ahmad (anak al-Imam Ahmad);
3. Abu Bakar Ahmad bin Muhammad bin Hani' al-Baghdadiyy;
4. Ahmad bin Muhammad bin al-Hajjaj al-Mirwaziyy;
5. 'Abd al-Malik bin 'Abd al-Hamid bin Mahran al-Maymuniyy.

²⁸ Al-Qattan, Mana'. t.t. *Tarikh al-Tasyri' al-Islamiyy*. Kaherah: Maktabah Wahbah. m.s. 380.

²⁹ Gudle, Nur Abdi. 2009. *Manahij al-Fuqaha' al-Arba'ah*. Kuala Lumpur: Dar al-Tajdid. m.s. 166 – 167.

³⁰ Haji Ahmad, Mohd Saleh. 1999. *Pengantar Syariat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid. m.s. 162.

Mazhab al-Imam Ahmad atau lebih dikenali sebagai mazhab Hanbali telah tersebar luas di Baghdad, Syam serta semenanjung tanah Arab. Mazhab ini turut dikatakan sebagai mazhab yang terakhir dalam peundangan Islam serta yang paling sedikit dianuti di peringkat antarabangsa.³¹ Hal ini kerana negara Arab Saudi sahaja yang mengiktiraf mazhab Hanbali sebagai mazhab rasmi negara.

Bagaimana Mazhab al-Syafie tersebar di Malaysia?

Menurut catatan sejarah, ajaran Islam telah berkembang di kepulauan Melayu di antara abad ke 13 atau abad ke 14 Masihi.³² Ia dibawa masuk oleh para pendakwah yang datang dari luar kepulauan Melayu seperti dari Yaman dan dari tanah Arab. Terdapat juga sumber lain yang menyebut bahawa agama Islam dibawa masuk oleh pedagang yang datang dari India atau dari China.

Namun begitu, Prof. Tan Sri Dr Syed Muhammad Naquib al-Attas berpandangan bahawa kedatangan agama Islam sebenarnya adalah dari Timur Tengah kerana kemungkinan para pedagang atau pendakwah ini melalui jalan dari arah India serta jalan-jalan dari arah yang berlainan.³³ Hal ini dibuktikan melalui kefahaman mengenai ajaran Islam itu sendiri yang berasal dari Timur Tengah dan bukan dari negara lain. Di tambah pula pada kandungan serta metod penghuraian mengenai akidah, tasawuf, tulisan jawi serta bentuk-bentuk hurufnya yang bercirikan bangsa Arab dan bukannya dari India dan sebagainya.

Oleh yang demikian, kawasan Hadramaut di Yaman dan Gujerat di India telah dipengaruhi oleh mazhab al-Syafie sewaktu penyebarannya ke kepulauan Melayu. Kebanyakan para pedagang atau pendakwah datang dari dua kawasan ini. Pengaruh mazhab al-Syafie mula bertapak pada abad ke 15 masihi apabila raja Melaka pada ketika itu telah menjadikannya sebagai asas perundangan bagi negeri Melaka dan juga negeri-negeri di bawah pemerintahannya. Dua undang-undang Islam yang telah diperkenalkan iaitu Kanun Melaka dan Kanun Laut Melaka. Kemudian ia diikuti pula oleh beberapa negeri yang lain lalu wujudnya sistem perundangan seperti Undang-Undang Pahang, Undang-Undang 99 Perak, Undang-Undang Johor serta Undang-Undang Kedah.³⁴

³¹ Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah Fi al-Siyasah Wa al-'Aqa'id Wa Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabiyy. m.s. 504-505.

³² El-Muhammady, Abdul Halim. 2012. *Mazhab Shafi'i Wadah Perpaduan Ummah dan Penyeragaman Amalan Syari'at*. t.t.: Bairuni Research Sdn. Bhd. m.s. 45.

³³ *Ibid*. m.s. 47.

³⁴ Ahli Parlimen Kota Bharu. *Kanun Jenayah Syariah(II) (1993) Pindaan 2015*. Slide pembentangan bagi Akta 355. m.s. 4.

Selain itu, enakmen-enakmen negeri yang berkaitan turut memuatkan hukum-hakam mengenai kekeluargaan, pusaka, wasiat dan jenayah serta prosedur dan keterangan dalam bidang kekeluargaan dan jenayah yang berasaskan mazhab al-Syafie.³⁵

Dalam hal ini, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-14 yang bersidang pada 22 hingga 23 Oktober 1985 telah mengeluarkan keputusan berhubung Mazhab-Mazhab Yang Muktabar Dalam Fiqh Islam iaitu:

1. Setiap negeri di negara ini hendaklah mendasarkan fatwanya kepada mazhab Syafie kecuali jika didapati sebab-sebab yang tertentu untuk menggunakan mazhab-mazhab yang lain dan dipersetujui oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Raja Negeri yang berkenaan.
2. Umat Islam di negara ini boleh beramal untuk dirinya sendiri kepada mana-mana mazhab yang disukai tetapi tidak boleh menyalahkan orang-orang yang beramal dengan mazhab Syafie.
3. Umat Islam di negara ini boleh mengajar dan belajar mazhab-mazhab yang lain selain daripada mazhab Syafie di majlis-majlis pelajaran, tetapi tidak boleh bersyarah di khalayak ramai selain daripada pendapat mazhab Syafie demi untuk mengelakkan salah faham dan perpecahan.
4. Setiap persatuan atau pertubuhan kebajikan atau orang perseorangan di negara ini adalah menjadi satu kesalahan menyebarkan secara terbuka fahaman mazhab-mazhab yang lain tanpa mengambil kira fahaman mazhab Syafie.
5. Setiap fatwa yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri yang berdasarkan mazhab Syafie, tidak seorang pun umat Islam di negara ini yang boleh membantahnya dengan berhujahkan pendapat mazhab-mazhab yang lain. Semua umat Islam di negara ini tertakluk dengan fatwa yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri yang berkenaan.

Hukum bermazhab

Dalam isu ini, terdapat dua pandangan mengenainya:

- 1) Pendapat yang mengatakan tidak harus berpegang dengan mana-mana mazhab muktabar. Mereka beralasan bahawa dengan berpandukan hukum kepada al-Quran dan al-Sunnah sudah memadai kerana kedua-dua sumber ini bersifat maksum manakala imam-imam mazhab muktabar (mazhab yang empat) ini adalah bukan maksum serta terdedah kepada kemungkinan betul atau salah melalui pandangannya. Malah tidak terdapat pula dalil mengenai manusia akan ditanya di dalam kubur apabila telah pupusnya mazhab berkenaan. Selain itu, sekiranya manusia berpegang dengan mana-mana pandangan yang terdapat dalam sesuatu mazhab maka ia tidak berpegang

³⁵*op.cit.* m.s. 57.

kepada apa-apa yang telah terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah serta menyanggahi Ijma'.³⁶

- 2) Pendapat yang menyatakan wajib bagi mana-mana orang awam untuk bertaklid kepada salah satu daripada imam mazhab yang empat.³⁷ Ia berasaskan dalil melalui surah al-Anbiya' ayat 7:

فَسَلُّوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya: *"Maka bertanyalah kamu kepada Ahlu al-Zikri jika kamu tidak mengetahui."*

Berdasarkan ayat di atas, ulama Usul menjadikannya sebagai dalil bagi orang awam agar wajib bertaklid kepada orang alim yang mujtahid iaitu dengan mengikuti mazhab. Di dalam kitab *I'ana al-Talibin*, jilid pertama pada muka surah 29 telah menyebutkan:

كُلُّ مِنَ الْأَئِمَّةِ الْأَرْبَعَةِ عَلَى الصَّوَابِ وَيَجِبُ تَقْلِيدُ وَاحِدٍ مِنْهُمْ. وَمَنْ قَلَّدَ مِنْهُمْ حَرَجَ عَنْ عَهْدَةِ التَّكْلِيفِ.

Maksudnya: *"Setiap daripada imam yang empat semuanya di atas kebenaran dan wajiblah bertaklid dengan salah seorang daripada mereka. Dan sesiapa yang bertaklid dengan salah seorang daripada mereka, terlepaslah dia daripada tuntutan taklif Syarak."*

Al-Imam Ahmad bin Hanbal turut mengungkapkan melalui kata-katanya:

مَنْ زَعَمَ أَنَّهُ لَا يَرَى التَّقْلِيدَ وَلَا يُقِلُّ دِينَهُ أَحَدًا فَهُوَ قَوْلٌ فَاسِقٍ عِنْدَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ إِنَّمَا يُرِيدُ بِذَلِكَ إِبْطَالَ الْأَثَرِ وَتَعْطِيلَ الْعِلْمِ وَالسُّنَّةِ وَالتَّفَرُّدَ بِالرَّأْيِ وَالْكَلَامَ وَالْبِدْعَةَ وَالْخِلَافَ.

Maksudnya: *"Sesiapa yang mendakwa sesungguhnya dia tidak melihat perlunya taklid dan tidak bertaklid kepada sesiapa pun dalam agamanya, maka ia adalah perkataan orang yang fasik di sisi Allah dan Rasul-Nya. Dakwaannya seperti itu bertujuan membatalkan athar (hadis), menghapuskan ilmu dan sunnah, hanya berpegang kepada pendapat akal semata-mata dan adalah hanya pemikiran kalam, bid'ah dan khilaf."*

³⁶ Al-Butiyy, Muhammad Sa'id Ramadhan. 2005. *Alla Mazhabiyyah Akhtar Bid'ah Tuhaddid al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Syria: Dar al-Farabiyy. m.s. 61-65.

³⁷ Haji Joll, Muhadir. 2015. *Kekeliruan Umat Inilah Jawapannya*. Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd. m.s. 320 – 321.

Rujukan

Al-Quran al-Karim.

_____. 2004. *Al-Mu'jam al-Wasit*. t.t.: Maktabah al-Syuruq al-Dawliyyah.

_____. 1994. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____. 2004. *Ensiklopedia Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Jil. 3.

'Abdul Qadir, al-Saddiq Dhu al-Nur. t.t. *Muzakkirat fi Maddah Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah al-Islamiyyah Wa al-Fatawa*.

Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah Fi al-Siyasah Wa al-'Aqa'id Wa Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabiyy.

Ahli Parlimen Kota Bharu. *Kanun Jenayah Syariah (II) (1993) Pindaan 2015*. Slide pembentangan bagi Akta 355.

Ahmad, Ridzuan. 2012. *Fiqh Imam Syafie*. Selangor: PTS Millenia.

Al-Asyqar, Umar Sulayman. 1998. *Al-Madkhal Ila Dirasah al-Madaris Wa al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Jordan: Dar al-Nafais.

Al-Bukhariyy, Muhammad bin Ismail. 2002. *Sahih al-Bukhariyy*. Damsyiq: Dar Ibnu Kathir.

Al-Butiyy, Muhammad Sa'id Ramadhan. 2005. *Alla Mazhabiyyah Akhtar Bid'ah Tuhaddid al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Syria: Dar al-Farabiyy.

Al-Qattan, Mana'. t.t. *Tarikh al-Tasyri' al-Islamiyy*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

El-Muhammady, Abdul Halim. 2012. *Mazhab Shafi'i Wadah Perpaduan Ummah dan Penyeragaman Amalan Syari'at*. t.t.: Bairuni Research Sdn. Bhd.

Gudle, Nur Abdi. 2009. *Manahij al-Fuqaha' al-Arba'ah*. Kuala Lumpur: Dar al-Tajdid.

Haji Ahmad, Mohd Saleh. 1999. *Pengantar Syariat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.

Haji Joll, Muhadir. 2015. *Kekeliruan Umat Inilah Jawapannya*. Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd.

Jighim, Nu'man. 2007. *Madkhal Ila al-Mazhab al-Syafi'iyy*. Kuala Lumpur: UIAM.

Jum'ah, 'Aliyy. 2012. *Al-Madkhal Ila Dirasah al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Salam.

Zakaria, Harussani. 2015. *Perpaduan Ummah dan Kepentingannya Dari Perspektif Ulama*. Kertas kerja dlm Multaqa Serantau Alumni al-Azhar Malaysia 2015 bertempat di Grand Ballroom Hotel Grand Seasons, Kuala Lumpur - 17 Disember 2015.